

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 13 MAC 2018

RUJUKAN : 10570

SOALAN :

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan merujuk Perlembagaan Persekutuan Perkara 15(2) dan 15A, nyatakan apakah penyelesaian kepada isu kerakyatan kanak-kanak kelahiran rakyat Malaysia bersama ibu atau bapa warga asing yang tidak didaftarkan perkahwinan pada saat kelahiran, menyebabkan kanak-kanak tersebut menjadi 'stateless'.

79

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Taraf kewarganegaraan ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa individu sewaktu kelahiran berlaku. Dalam hal ini, taraf kewarganegaraan individu yang dilahirkan sebelum perkahwinan ibu bapa didaftarkan secara sah mengikut perundangan adalah mengikut kewarganegaraan ibunya selaras dengan Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan. Dalam situasi di mana individu dilahirkan di luar perkahwinan oleh wanita warga asing, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) akan merekodkan taraf kewarganegaraan individu tersebut sebagai Bukan Warganegara.

Dakwaan bahawa seseorang anak tak sah taraf kepada wanita warga asing akan menjadi orang yang tidak bernegara (*stateless*) adalah tidak tepat kerana menjadi kewajipan dan tanggungjawab ibu atau penjaga individu tersebut untuk menguruskan dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal ibunya. Kegagalan ibu atau penjaga melaksanakan tanggungjawab mereka akan menyebabkan isu berbangkit seperti ketiadaan dokumen pengenalan diri daripada negara asal yang akhirnya menyebabkan keberadaan yang tidak sah di negara ini.